

KEPADA YANG DIPERTUA DAN AHLI DEWAN RAKYAT

Petisyen penduduk tertentu Wilayah Christmas Island ini menarik perhatian Dewan ini:

63% daripada Wilayah Christmas Island pada masa ini adalah sebuah Taman Negara. Jabatan Komanwel bagi Kelestarian dan Sekitaran sedang berusaha untuk memperkenalkan Pelan Pemulihan di bawah Akta Perlindungan Sekitaran dan Pemuliharaan Biodiversiti 1999 (Akta EPBC) kepada seluruh pulau ini. Skop cadangan Pelan Pemulihan sangat luas hingga tiada aktiviti pembangunan ekonomi lanjut boleh dijalankan di atas sebarang tanah di Pulau ini, tanpa mengambil kira sama ada ia dipegang oleh penduduk dan syarikat atas pemegangan bebas, pajak atau pemegangan lain, tanpa bercanggah dengan Pelan Pemulihan tersebut seperti yang dilakarkan. Mengikut Akta EPBC, sebaik saja diluluskan, Menteri yang berkenaan serta kerajaan tidak mempunyai budi bicara untuk meluluskan sebarang pembangunan lanjut yang mungkin bercanggah dengan Pelan Pemulihan, tanpa mengambil kira faedah sosial dan ekonomi yang akan mengalir kepada rakyat daripada pembangunan tersebut.

Oleh itu kami meminta Dewan ini untuk:

Mengarah Menteri berkenaan yang bertanggungjawab bagi Jabatan tersebut untuk menyekat permohonan cadangan Pelan Pemulihan di luar Taman Negara ke atas Tanah Kerajaan yang belum diperuntukkan, yang belum ditentukan untuk tujuan-tujuan lain yang sedang di bawah Skim Perancangan Bandar Daerah Christmas Island, Strategi Perancangan Tempatan dan Pelan Pengurusan Tanah Kerajaan dan mengecualikan operasinya daripada semua tanah yang pada masa ini dipegang oleh individu dan syarikat melalui pemegangan bebas, pajak atau pemegangan tanah lain yang diluluskan.

TO THE HONOURABLE THE SPEAKER AND MEMBERS OF THE HOUSE OF REPRESENTATIVES

This petition of certain residents of the Territory of Christmas Island draws to the attention of the House:


That 63% of the Territory of Christmas Island is currently a National Park. The Commonwealth Department of Sustainability and Environment is seeking to introduce a Recovery Plan under the Environment Protection and Biodiversity Conservation Act 1999 (EPBC Act) over the whole Island. The scope of the proposed Recovery Plan is so broad that no further economic

development activity will be possible on the Island on any land, irrespective of whether it is held by residents and corporations on freehold, leasehold or other tenures, without being in conflict with the Recovery Plan as it has been drafted. In accordance with the EPBC Act, once approved, the relevant Minister and the government have no discretion to approve any further development which may conflict with a Recovery Plan, irrespective of the social and economic benefits that would flow to the community from such developments.

We therefore ask the House to:

Direct the relevant Minister responsible for the Department to restrict the application of the proposed Recovery Plan outside the National Park to unallocated Crown Land that has not been designated for other purposes under the current Shire of Christmas Island Town Planning Scheme, Local Planning Strategy and the Crown Land Management Plan and exclude its operation from all land currently held by individuals and corporations by freehold, leasehold or other approved tenure.

I, FARIDAH BAHROM, LEVEL 2 NAATI TRANSLATOR,
CERTIFY THAT THIS IS A TRUE MACH TRANSLATION
OF THE DOCUMENT OF THE RECOVERY PLAN PETITION
(TO THE HONOURABLE THE SPEAKER AND MEMBERS
OF THE HOUSE OF REPRESENTATIVES).



FARIDAH BAHROM

FARIDAH BAHROM
NAATI
(NATIONAL ACCREDITATION AUTHORITY
FOR TRANSLATORS AND INTERPRETERS)
NAATI NO: 21391